



PANDUAN PERMOHONAN OUTING		
MASA DAN JENIS OUTING	SENDIRI (Mengikut Giliran Jantina)	DENGAN WARIS
SABTU	BELUM DIBENARKAN	12 Tengahari - 5.59 Petang Setiap Sabtu / Ahad selagi tidak melebihi kuota
AHAD	TIADA	

SEMUA JENIS OUTING PERLU PERMOHONAN OLEH IBU BAPA SELEWATNYA SEHARI SEBELUM OUTING

1. Buat masa ini, hanya outing dengan waris sahaja dibenarkan.
2. Untuk outing dengan waris, tiada giliran tingkatan atau giliran jantina ditetapkan.
3. Jumlah maksimum dibenarkan outing adalah 2 kali sahaja untuk setiap bulan.
4. Dalam satu minggu yang sama, pelajar dibenarkan keluar outing sekali sahaja (samada Sabtu atau Ahad)
5. Waktu lawatan dan outing dengan waris bermula 12.00 tengahari hingga 5.59 petang pada hari Sabtu atau Ahad. Waktu untuk MENDAFTAR KELUAR hanya sehingga jam 4 petang sahaja (boleh berada di luar sehingga 5.59 petang).
6. Sistem akan mula merekod pelajar sebagai DAFTAR MASUK LEWAT bermula jam 6.00 petang. (Pelajar akan dikenakan tindakan / demerit)
7. Pelajar tidak dibenarkan keluar outing dengan menumpang waris pelajar lain.
8. Permohonan outing tidak diluluskan jika pelajar terlibat dengan program wajib maktab. Waris dinasihatkan menyemak kalendar maktab dan jadual pelajar sebelum membuat permohonan.
9. Pelajar WAJIB mendaftar di pondok pengawal semasa keluar dan masuk.
10. Semasa outing atau lawatan, waris dan pelajar diingatkan agar sentiasa memakai pelitup muka, memastikan penjarakan dan sentiasa mencuci tangan sebagai langkah pencegahan Covid-19 dan Influenza.
11. Waris dikehendaki melakukan ujian sendiri RTK sebelum datang ke maktab untuk lawatan / outing.
12. Terdapat waris yang menghantar lebih dari satu permohonan (untuk tarikh / minggu yang sama). Mohon kerjasama agar menghantar satu permohonan sahaja dan bersabar menunggu keputusan.

UNTUK PERMOHONAN OUTING, DI MENU UTAMA SILA PILIH > SISTEM ONLINE > SISTEM OUTING DAN PULANG BERMALAM



PANDUAN PERMOHONAN PULANG BERMALAM		
PB WAJIB	Dijadualkan dalam kalendar maktab	Tidak perlu permohonan oleh ibu bapa
PB PILIHAN	Dijadualkan dalam kalendar maktab	Perlu permohonan oleh ibu bapa 3 hari sebelum PB
	Pelajar yang pulang diambil oleh ibu bapa sahaja layak memohon	
PB URUSAN PERIBADI	Tidak dijadualkan dalam kalendar maktab	Perlu permohonan oleh ibu bapa 3 hari sebelum PB
	Urusan peribadi / keluarga yang mustahak sahaja spt rawatan, temujanji doktor	
	Kelulusan bergantung kepada budi bicara pengurusan maktab	
PB KECEMASAN	Untuk kes kematian dan seumpamanya sahaja	Permohonan saat akhir
		Selepas mengisi permohonan, hubungi TPPP untuk semakan segera
<p>1. Permohonan Pulang Bermalam (PB) ini adalah untuk selain PB Wajib sahaja, iaitu samada kerana alasan urusan peribadi, kes kecemasan atau PB Pilihan. Manakala untuk PB Wajib, tidak perlu permohonan oleh ibu bapa.</p> <p>2. Permohonan ini juga untuk pelajar yang akan pulang dengan diambil oleh waris sahaja. Jika Ibu bapa memohon PB (Urusan Peribadi atau Kecemasan) dengan pelajar pulang sendiri menaiki pengangkutan awam, sila hubungi guru homeroom sebagai pengesahan sebelum mengisi permohonan Google Form ini.</p> <p>3. Jika ibu bapa mengisi permohonan PB Urusan Peribadi, sila bersabar menunggu permohonan diproses dalam masa yang ditetapkan. Kelulusan bergantung kepada budi bicara pengurusan maktab.</p> <p>4. Jika ibu bapa mengisi permohonan PB Kecemasan (kes kematian dan seumpamanya sahaja), sila hubungi TPPP selepas menghantar permohonan ini untuk keputusan segera.</p> <p>5. Mohon jangan disalah guna kategori 'kecemasan' dengan semua alasan dianggap kecemasan dan semua permohonan dihantar pada saat akhir</p>		